NORDIN SALLEH

lwn.

TENGKU RAZALEIGH TENGKU HAMZAH & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
EUSOFF CHIN H
[RAYUAN SIVIL NO. R1-22-5-1991]
22 OGOS 1991

PERTUBUHAN TAK DIPERBADAN: *Isu keahlian - Sah atau tidak - Injunksi tetap - Mesyuarat Agung khas parti membuat keputusan meminda fasal-fasal tertentu Perlembagaan - Samada keputusan mesyuarat Agung itu memberi mandat kepada Majlis Tertinggi dan Setiausaha Agung parti tersebut untuk menguatkuasakan pindaan-pindaan Fasal-fasal tertentu itu - Minit-minit pindaan-pindaan itu tidak direkodkan - Pendaftar Pertubuhan meluluskan pindaan.*

Kedua-dua defendan mewakili Parti Politik Semangat 46 (S46) yang telah didaftarkan pada 11 Mei 1989 dibawah Akta Pertubuhan 1966 (Akta tersebut). Didalam permohonan yang dibicara bersekali, kedua-kedua plaintif menyatakan bahawa mereka bukan dan tidak pernah menjadi ahli S46, kerana mereka tidak pernah memohon atau mengisi borang permohonan tertentu untuk menjadi ahli S46, dan oleh itu mereka meminta Mahkamah mengisytiharkan bahawa mereka bukan dan tidak pernah menjadi ahli S46.

Defendan kedua yang memberi keterangan sebagai saksi penentang (diantara lain) menyatakan bahawa mesyuarat Agung khas S46 yang bersidang pada 26 Ogos 1989 telah memberi kuasa dan (mandat) untuk melaksanakan pindaan fasal-fasal tertentu Perlembagaan parti S46. Saksi penentang tersebut mengasaskan keterangan beliau pada perkara 4 minit mesyuarat Majlis Tertinggi Semangat 46 bertarikh 8 Oktober 1989.

Yang menjadi isu ialah sama ada "kuasa meluluskan ahli ahli ...", yang dinyatakan dalam minit itu, merupakan keputusan saksi penentang sendiri sebagai Setiausaha Agong S46, atau keputusan Majlis Tertinggi S46. Sekiranya ini merupakan keputusan Majlis Tertinggi S46, perkara ini hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat 8 Oktober 1989 itu. Juga keputusan menerima seseorang menjadi ahli dengan membayar yuran tahunan, tidak dibuat oleh Majlis Tertinggi itu.

Diputuskan:
[1] Kontrak menjadi ahli antara plaintif dan defendan hanya ujud apabila wang pendaftaran dan yuran tahunan dibayar oleh plaintif selepas permohonan menjadi ahli diluluskan.

[2] Oleh kerana defendan dan plaintif gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh perlembagaan S46 untuk menjadi ahli S46, maka penerimaan plaintif sebagai ahli S46 adalah tidak sah.

[Permohonan kedua-dua plaintif dibenarkan.]

Kes-kes yang dirujuk:
Abdul Rashid b. Abd.Majid lwn. Island Golf Properties Sdn. Bhd [1989] 1 CLJ (Rep) 205 ***(diikuti)***
Faramus lwn. Film Artistes' Association 1963 1 All ER 636 ***(dipertimbangkan)***

Perundangan yang dirujuk:
Societies Act 1966, s. 11

Bagi pihak plaintif - Zaki Tun Azmi; T/n Rashid & Lee
Bagi pihak defendan 1 - Yeoh Poh San; T/n Yeoh Poh San & Co.
Bagi pihak defendan 2 - Dato' Hj. Suhaimi b. Dato' Hj. Kamaruddin

[**Nota Pengarang:** Rayuan Sivil No: R1-22-6-1991 telah disatukan dan dibicarakan bersekali di Mahkamah Tinggi tersebut.]

PENGHAKIMAN

Eusoff Chin H:

Parti politik Semangat 46 telah didaftarkan pada 11 Mei 1989.

Didalam permohonannya yang dibicara bersekali iaitu R1-22-5-1991, dan R1-22-6-1991, plaintif-plaintif Nordin bin Salleh dan Wan Mohd Najib bin Wan Mohamad mengatakan bahawa mereka bukan dan tidak pernah menjadi ahli Semangat 46 kerana mereka tidak pernah memohon atau mengisi borang permohonan tertentu untuk menjadi ahli Semangat 46, dan oleh itu mereka meminta Mahkamah mengisytiharkan bahawa mereka bukan dan tidak pernah menjadi ahli Semangat 46. Mereka juga meminta injunksi tetap (permanent injunction) terhadap kedua-dua defendan iaitu Y.M. Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah dan Y.B. Dato Hj. Suhaimi bin Dato Hj. Kamaruddin sebagai Presiden dan Setiausaha Agung Semangat 46 dan injunksi itu ialah untuk menahan defendan-defendan daripada mengeluarkan apa-apa jua kenyataan bahawa plaintif ada pernah ataupun adalah ahli-ahli Semangat 46.

Defendan kedua iaitu Dato Hj. Suhaimi yang memberi keterangan sebagai saksi penentang (DW12) menyatakan Mesyuarat Agung Khas Semangat 46 yang bersidang pada 26 Ogos 1989, (minit mesyuarat Ekshibit D1) ada membuat keputusan meminda Fasal 1.17 Perlembagaan Semangat 46. Pindaan itu dibuat dibawah kuasa meminda yang diberi oleh Fasal 32 Perlembagaan itu. Dengan pindaan ini Fasal 11.17 dipinda dengan memasukkan perkataan "mengecualikan bayaran wang pendaftaran" dan Fasal 11.17 selepas dipinda mengatakan seperti berikut:

> 11. Tanggungan-tanggungan, kuasa-kuasa dan kewajipan Majlis Tertinggi ialah:
>
> 17. Mengecualikan bayaran wang pendaftaran dan menetapkan yuran ahli dan ahli-ahli bergabung dan ahli-ahli biasa, jika perlu,

Pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan pada 1 November 1989, dibawah s. 11 Akta Pertubuhan 1966 dan mula berkuatkuasa pada 1 November 1989. Dengan adanya pindaan ini bermakna bahawa mulai 1 November 1989 Majlis Tertinggi Semangat 46 berkuasa, jika perlu, membuat keputusan mengecualikan bayaran pendaftaran bagi mereka yang ingin menjadi Ahli Semangat 46. Nampaknya walaupun Majlis Tertinggi Semangat 46 tidak bersidang untuk membuat keputusan mengecualikan pembayaran wang pendaftaran, Mesyuarat Agung Khas Semangat 46 yang bersidang pada 26 Ogos 1989 itu, sudah pun memutuskan supaya semua wang pendaftaran yang diterima oleh cawangan-cawangan dipulangkan kepada mereka yang membayar wang pendaftaran ini apabila sahaja Fasal 11.17 diluluskan, iaitu mulai 1 November 1989. Pada pendapat saya keputusan Mesyuarat Agung Khas Semangat 46 untuk memulangkan wang pendaftaran kepada ahli-ahli yang sudah membayarnya hanya boleh berkuatkuasa dan hendaklah dipatuhi jika Majlis Tertinggi ada bersidang selepas berkuatkuasanya pindaan kepada Fasal 11.17 Perlembagaan Semangat 46 dan memutuskan bahwa wang pendaftaran adalah dikecualikan pembayarannya. Selagi pindaan Fasal 11.17 itu tidak diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan, Majlis Tertinggi Semangat 46 belum lagi mempunyai kuasa membuat keputusan mengecualikan bayaran wang pendaftaran. Selepas mendengar keterangan di dalam

Mahkamah, saya dapati tidak ada keterangan dan bukti langsung yang menunjukkan bahawa Majlis Tertinggi Semangat 46 ada bersidang selepas 1 November 1989 untuk membuat keputusan mengecualikan pembayaran wang pendaftaran itu. Ini bermakna bahawa walaupun pindaan Perlembagaan Semangat 46 Fasal 11.17 itu dibuat oleh Mesyuarat Agung Khas Semangat 46, tetapi keputusan mengecualikan ahli daripada membayar wang pendaftaran tidak dibuat oleh Majlis Tertinggi Semangat 46, dan oleh itu wang pendaftaran mestilah dibayar oleh mereka yang ingin menjadi Ahli Semangat 46.

Dato Hj. Suhaimi memberi keterangan bahawa walaupun Parti Semangat 46 telah ditubuhkan pada 11 Mei 1989, tetapi sehingga bulan Oktober 1990, Semangat 46 hanya mempunyai ahli 9 orang sahaja. Lagipun pilihanraya umum sudah hampir dimasa itu. Oleh itu Majlis Tertinggi Semangat 46 bersidang pada 8 Oktober 1989 dan membuat keputusan supaya semua ahli-ahli UMNO Lama dan semua ahli-ahli UMNO Baru di terima sebagai ahli Semangat 46 tanpa mengisi borang permohonan dan tanpa membayar wang pendaftaran iaitu katanya memadailah dengan membayar yuran sahaja. Peguam bagi plaintif, Encik Zaki mempertikaikan keputusan sedemikian ada dibuat oleh Majlis Tertinggi Semangat 46 pada 8 Oktober 1989 kerana minit mesyuarat Majlis Tertinggi Semangat 46 iaitu Eks. D2 yang bertarikh 8 Oktober 1989, tidak mengandungi catitan perkara yang amat penting ini. Dato Suhaimi menyatakan tidak semua perkara keputusan dicatitkan dalam minit mesyuarat, terutamanya jika perkara itu ialah perkara sensitif. Encik Zaki menyatakan bahawa tidak menasabah keputusan yang penting itu dianggap sebagai perkara sensitif atau perkara yang boleh menimbulkan huru-hara. Sebaliknya keputusan sedemikian itu bukan sahaja mesti dicatitkan dalam minit mesyuarat tetapi hendaklah disebarkan seluasnya-luasnya untuk pengetahuan orang ramai supaya dapat menarik mereka menjadi ahli Semangat 46. Dato Haji Suhaimi mengatakan bahawa keputusan itu dicerminkan dalam perkara 4 minit mesyuarat Majlis Tertinggi Semangat 46 bertarikh 8 Oktober 1989 yang mengatakan seperti berikut -

Perkara 4

Mesyuarat juga sebulat suara memberi mandat kepada Setiausaha Agung untuk meluluskan semua ahli-ahli UMNO Lama dan juga semua ahli-ahli UMNO Baru sebagai ahli-ahli Semangat 46 dan ketetapan ini berkuatkuasa mulai 10 Ogos 1989.

Selepas meneliti Perkara 4 didalam Minit Mesyuarat itu saya dapati bahawa mandat yang diberi kepada Setiausaha Agung Semangat 46 ialah kuasa 'meluluskan' ahli-ahli UMNO Lama dan ahli-ahli UMNO Baru sebagai ahli Semangat 46. Pada fikiran saya perkataan 'meluluskan' membawa makna mesti terlebih dahulu ada permohonan daripada ahli-ahli UMNO Lama atau ahli UMNO Baru untuk menjadi ahli-ahli Semangat 46. Jika tidak ada permohonan, bagaimanakah boleh kuasa 'melulus' dijalankan.

Dato' Suhaimi mengatakan dalam keterangannya bahawa dia ada menemui ketua-ketua cawangan dan memberitahu mereka bahawa mereka boleh meluluskan ahli-ahli UMNO Lama dan ahli-ahli UMNO Baru sebagai ahli-ahlu Semangat 46 jika ahli-ahli UMNO Lama dan UMNO Baru itu membayar yuran tahunan. Dengan ini katanya dia telah mewakilkan kuasa kepada ketua-ketua cawangan. Tetapi isu yang penting untuk Mahkamah menimbang dan memutuskan ialah adakah ini keputusan Dato Suhaimi sendiri sebagai Setiausaha Agung Semangat 46, ataupun keputusan Majlis Tertinggi Semangat 46. Saya berpendapat bahawa jika keputusan ini ialah keputusan Majlis Tertinggi Semangat 46, maka keputusan-keputusan yang penting ini patut dimasukkan ke dalam minit mesyuarat Majlis Tertinggi Semangat 46 yang bersidang pada 8 Oktober 1989 itu. Saya dapati keputusan menerima seseorang menjadi ahli dengan membayar yuran tahunan sahaja tidak dibuat oleh Majlis Tertinggi itu.

Mengenai pengecualian wang pendaftaran saya berpendapat bahawa Majlis Tertinggi Semangat 46 tidak berkuasa membuat keputusan sedemikian pada 8 Oktober 1989 kerana pindaan Fasal 11.17 belum diluluskan oleh Pendaftar Pertubohan hingga 1 November 1989. Oleh itu keputusan, jika ada, yang dibuat oleh Majlis Tertinggi pada 8 Oktober 1989, mengecualikan pembayaran wang pendaftaran adalah tidak sah.

Mengenai pengecualian mengisi borang permohonan yang disokong oleh dua orang ahli biasa Semangat 46 (seperti di kehendaki oleh Fasal 6.1 dan 6.2 Perlembagaan Semangat 46) perlu saya meneliti peruntukan Fasal 6.4 dan 11.19 Perlembagaan Semangat 46 yang agak sama. Fasal 6.4 menyatakan: "Majlis Tertinggi berhak mengadakan peraturan-peraturan atau syarat-syarat yang tertentu dalam perkara permohonan hendak menjadi ahli".

Fasal 11.19 menyatakan:

Tanggungjawab Majlis Tertinggi. tanggungan-tanggungan, kuasa-kuasa dan kewajipan Majlis Tertingi ialah mengadakan peraturan-peraturan atau syarat yang tertentu dalam perkara permohonan hendak menjadi ahli.

Pada pendapat saya perkataan 'mengadakan' yang disebut dalam kedua-dua fasal itu membawa makna bahawa peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang tertentu itu mestilah dibuat oleh Majlis Tertinggi Semangat 46 dengan cara bertulis supaya boleh dirujuk dan senang dirujuk untuk mengatasi apa-apa keraguan jika timbul dikemudian hari. Sekurang-kurangnya keputusan mengadakan peraturan dan syarat hendaklah dicatitkan didalam minit mesyuarat; dan peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang diadakan itu juga mesti dicatitkan didalam minit mesyuarat secara terperinci (in detail). Ini ialah kerana saya berpendapat bagaimanakah peraturan-peraturan dan syarat-syarat itu boleh dirujuk jika, misalnya, mereka yang bermesyuarat sebagai ahli Majlis Tertinggi Semangat 46 pada 8 Oktober 1989 itu sudah tidak lagi menjadi ahli Semangat 46. Tak menasabah syarat-syarat sedemikian boleh disimpan dalam ingatan ahli-ahli Majlis Tertinggi sahaja.

Oleh itu atas sebab-sebab yang saya katakan tadi saya berpendapat bahawa Majlis Tertinggi di mesyuaratnya pada 8 Oktober 1989 itu tidak membuat keputusan-keputusan berikut:

(1) mengecualikan bayaran wang pendaftaran, (kerana seperti saya katakan tadi, belum ada kuasa untuk membuat sedemikian);

(2) mengecualikan pengisian borang permohonan tertentu yang dikehendaki diisi dan disokong oleh 2 orang ahli seperti disebutkan atau ditetapkan oleh Fasal-fasal 6.1 dan 6.2 Perlembagaan Semangat 46;

(3) bahawa bekas ahli UMNO Lama dan ahli UMNO Baru yang ingin menjadi Ahli Semangat 46 perlu hanya membayar wang yuran tahunan sahaja.

Keputusan yang sebenar dibuat oleh Majlis Tertinggi Semangat 46 di persidangannya pada 8 Oktober 1989 ialah apa yang terdapat dalam minit mesyuarat di perkara 4, iaitu, mewakilkan kepada Setiausaha Agungnya, kuasa-kuasa Majlis Tertinggi yang terdapat di Fasal 11.23 yang menyatakan bahawa: "kuasa-kuasa dan kewajipan Majlis Tertinggi Semangat 46 ialah menimbang permohonan dan memberi kebenaran bertulis jika diluluskan kepada seseorang bekas ahli dari parti yang lain yang hendak menjadi ahli Semangat 46", dan kuasa Majlis Tertinggi di bawah fasal itu diwakilkan oleh Majlis Tertinggi kepada Setiausaha Agung Semangat 46 dengan menggunakan kuasanya dibawah fasal 11.25 yang memberi kuasa kepada Majlis Tertinggi" menjalankan sebarang pekerjaan atau apa jua langkah selain daripada perkara-perkara yang tersebut diatas bagi kesempurnaan perjalanan parti."

Dari apa yang saya katakan tadi jelaslah bahawa keterangan dan fakta-fakta yang dikemukakan dalam Mahkamah ini menunjukkan bahawa -

(i) Mesyuarat Agung Khas Semangat 46 telah membuat pindaan kepada Fasal 11.17 Perlembagaan Semangat 46 memberi Majlis Tertinggi Semangat 46 kuasa mengecualikan pembayaran wang pendaftaran.

(ii) Majlis Tertinggi tidak menjalankan kuasanya di bawah Fasal 11.17 selepas pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan pada 1 November 1989. Jika sekalipun pengecualian itu dibuat oleh Majlis Tertinggi Semangat 46 pada 8 Oktober 1989, pengecualian itu tidak sah kerana pada 8 Oktober 1989 Majlis Tertinggi tidak berkuasa membuat pengecualian itu. Oleh itu seseorang yang ingin menjadi Ahli Semangat 46, dia diwajibkan membayar wang pendaftaran sebelum dia boleh menjadi Ahli Semangat 46.

(iii) Tidak terbukti bahawa Majlis Tertinggi Semangat 46 pada 8 Oktober 1989 telah mengecualikan pengisian borang permohonan tertentu yang disokong oleh 2 orang ahli biasa, yang mana dimestikan oleh Fasal 6.1 dan 6.2 Perlembagaan Semangat 46. Oleh itu seseorang yang ingin menjadi ahli Semangat 46 dimestikan oleh Perlembagaan itu mengisi borang permohonan untuk menjadi ahli;

(iv) Tidak ada bukti jelas yang kedua-dua plaintif Nordin bin Salleh dan Hj. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed pernah mengisi borang permohonan menjadi ahli. Malahan afidavit Dato Hj. Suhaimi yang telah menjadi sebahagian daripada keterangannya, menyatakan kedua-dua plaintif tidak mengisi borang permohonan;

(v) Tidak dibuktikan bahawa kedua-dua plaintif telah membayar wang pendaftaran untuk menjadi Ahli Semangat 46, seperti yang ditetapkan oleh Fasal 27.1 dan 27.2 Perlembagaan Semangat 46. Menurut kes *Abdul Rashid b. Abd. Majid lwn. Island Golf Properties Sdn. Bhd*., [1989] 1 CLJ (Rep) 205, kontrak menjadi ahli antara plaintif dan defendan hanya ujud apabila wang pendaftaran dan yuran tahunan dibayar oleh plaintif selepas permohonan menjadi ahli diluluskan.

Oleh kerana defendan dan plaintif gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Semangat 46 untuk menjadi ahli Semangat 46, maka penerimaan plaintif sebagai ahli Semangat 46 adalah tidak sah. Benar keterangan menunjukkan bahawa kedua-dua plaintif ada memegang beberapa jawatan dalam Parti Semangat 46 (dan jawatan-jawatan itu hanya ahli-ahli Semangat 46 sahaja yang boleh memegangnya) tetapi perlantikan dan penerimaan mereka ke jawatan-jawatan itu tidak sah kerana mereka bukannya ahli Semangat 46 yang sebenar. Menurut kes *Faramus lwn. Film Artistes' Association* [1963] 1 AER 636, mereka hanya dianggap sebagai ahli-ahli *de facto* sahaja. Di dalam kes itu, Faramus telah diterima sebagai ahli oleh Film Artistes' Association tanpa mengikut peraturan-peraturan Association itu, dan dalam masa 8 tahun, dia menjadi ahli *de facto* (daripada 1950 - 1958) Faramus pernah memegang jawatan sebagai ahli jawatankuasa eksekutif dalam Association itu. Tetapi Mahkamah Rayuan di England telah memutuskan bahawa perkara sedemikian, iaitu menjadi ahli *de facto* selama 8 tahun, tidak membolehkan Faramus menjadi ahli sebenar Association itu kerana penerimaannya sebagai ahli sebenar adalah bercanggah dan tidak mengikut peraturan-peraturan Association.

Oleh kerana saya berpendapat bahawa plaintif-plaintif bukan dan tidak pernah menjadi Ahli Semangat 46, maka soalan mereka meletak jawatan atau keluar daripada menjadi ahli Semangat 46 atau samada mereka boleh dipecat dari Semangat 46 adalah tidak timbul.

Oleh itu saya membenarkan permohonan kedua-dua plaintif dan membuat pengisytiharan bahawa Nordin bin Salleh dan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed adalah pada setiap-tiap masa bukan ahli-ahli Semangat 46; dan saya juga membenarkan permohonan mereka untuk mendapat injunksi tetap terhadap kedua-dua defendan supaya kedua-dua defendan ditegah mengeluarkan apa jua kenyataan yang menyatakan bahawa kedua-dua plaintif pernah menjadi atau adalah ahli-ahli Parti Semangat 46.

Permohonan ini saya benarkan dengan kos.

Also found at [1992] 1 CLJ 390